Kod Tatalaku Zurich

Pendahuluan

Industri kita sedang melalui transformasi asas. Dalam landskap perubahan ini, Zurich mesti kekal tangkas untuk meletakkan dirinya dalam landasan kejayaan yang berterusan dan untuk melampaui jangkaan pelanggan kita dan pemegang kepentingan lain.

Dalam pada perniagaan sedang mengalami perubahan, komitmen kita terhadap perilaku beretika tetap sama.

> “Sebagai pekerja Zurich, kita bertanggungjawab untuk menyelami tatakelakuan kita dalam apa sahaja yang kita lakukan dan setiap daripada kita adalah bertanggungjawab dengan tindakan kita sendiri. Malah, salah satu pernyataan nilai teras baharu kita adalah untuk “memenuhi janji kita dan mendukung apa yang benar.”

Bersama-sama tujuan dan pernyataan nilai kita, hal ini memberikan kita dengan “panduan kekal” (north star) untuk memahami cara kita boleh berkembang maju dalam era perubahan ini, dalam pada masih memastikan bahawa semua yang kita lakukan adalah berasaskan standard etika, undang-undang dan profesional yang tertinggi.

Terima kasih atas komitmen anda mendukung apa yang benar dan melindungi reputasi kita.

Mario Greco
Group Chief Executive Officer

Pengenalan

Tujuan
Kod Tatalaku Zurich menghuraikan nilai-nilai asas dan peraturan utama perilaku organisasi kita yang harus kita patuhi untuk memastikan kita menjalankan aktiviti perniagaan selaras dengan piawaian profesional, undang-undang dan etika yang tertinggi. Kita mesti meraih kepercayaan para pemegang kepentingan kita setiap hari melalui perilaku yang beretika dan bertanggungjawab.

Kebolehgunaan
Kod kita dikenakan kepada semua pekerja , subsidiari dan sekutu Zurich di serata dunia[1]. Walau apa pun pangkat, tanggungjawab atau lokasi kita di dunia, kita mesti menjalankan peranan kita untuk memastikan Kod tersebut dan dasar yang berkaitan diterap dalam aktiviti dan keputusan harian kita. Selain itu, pihak ketiga yang mewakili Zurich, seperti para perunding, penasihat, pembekal perkhidmatan atau ejen, mesti mematuhi peruntukan dalam Kod kita seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kontraktual bersama.

Memenuhi Kewajipan
Semua pekerja Zurich perlu membaca, memahami dan mematuhi kod kelakuan ini dan memahami serta mematuhi peraturan yang dinyatakan. Peraturan ini ditambah dengan polisi dalaman yang lain yang menjadi rujukan dokumen ini.

Pendidikan dan latihan
Untuk membantu para pekerja memahami tanggungjawab mereka dibawah Kod Tatalaku dan polisi dalaman lain, semua pekerja menerima latihan pengenalan dan pematuhan etika secara kerap.

Kesedaran Peribadi dan Pemberitahuan Tahunan (APAA)
Kita di Zurich perlu memaklumkan yang kita telah membaca Kod Tatalaku, kod kelakuan dan kita memahami serta bersetuju untuk mematuhi peraturan yang terkandung dalam Kod dan polisi dalaman yang lain.

Kita diminta berbuat demikian sewaktu diambil bekerja dan setiap tahun kemudiannya.

Kesan dari ketidakpatuhan
Ketidakpatuhan kepada mana-mana peraturan dalam Kod Tatalaku oleh mana-mana pekerja menyebabkan tindakan disiplin sehingga membawa kepada pemberhentian pekerja tersebut. Pelanggaran Kod juga boleh menjadi pelanggaran undang-undang, dan mungkin mengakibatkan denda sivil atau jenayah atau penalti, termasuk hukuman penjara, untuk anda.

Ingat peraturan ini



01 *Ketahui perundangan dan peraturan dalaman mengikut kerja anda*

02 Ikuti peraturan ini

03 Maklumkan jika anda mengesyaki kelakuan tidak beretika

04 Ketahui bila dan pada siapa untuk meminta nasihat

05 Zurich akan menguatkuasakan peraturan ini

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengetahui

[1] Terkecuali Petani, yang mematuhi Farmers Code of Business Ethics

Melaporkan Kebimbangan
Sebagai pekerja Zurich, kita bersuara dan melaporkan kelakuan yang kita percaya dengan niat baik bahawa ia melanggar Kod Tatalaku ini. Zurich tidak akan bertolak ansur dengan penentangan terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan perlanggaran Kod Tatalaku dengan niat baik. Laporan boleh dibuat secara bersemuka atau tanpa nama. Panggilan telefon dan laporan dilayan dengan yakin.

Pertanggungjawaban
Sebagai pekerja Zurich, kita bertanggungjawab ke atas kelakuan dan tindakan kita sendiri.

Sekiranya kita percaya kita telah diberi arahan untuk melakukan perkara yang salah, tidak beretika atau melanggar peraturan Kod Tatalaku atau polisi Zurich, kita akan melaporkannya.

Melakukan perkara yang betul
Semua peraturan terpakai kod kelakuan Zurich menjadi rujukan keputusan yang dibuat setiap hari dan apa-apa tindakan atau matlamat perniagaan yang dituju mestilah selaras dengan peraturan ini.



Dalam membuat keputusan beretika, kita bertanya:

1. *Adakah ia perkara yang betul untukdilakukan?*
2. *Adakah ia sah?*
3. *Adakah perkara itu mematuhi dasar dan piawaian dalaman kita?*
4. *Adakah perkara itu selaras dengan nilai syarikat kita untuk "menyampaikan janji kita dan menegakkan apa yang betul"?*
5. *Adakah ia selaras dengan komitmen kita untuk berlaku jujur, berintegriti dan tidak berselindung?*
6. *Adakah ia menghormati hak-hak dan maruah para pekerja dan mereka yang mempunyai hubungan dengan kita?*
7. *Siapa lagi yang akan terjejas dengan keputusan ini? (contohnya, pelanggan, pemegang saham pekerja atau orang awam)?*
8. *Adakah akan berlaku konflik antara kepentingan saya dan kepentingan syarikat?*
9. *Adakah saya akan selesa jika keputusan dibuat secara terbuka?*
10. *Adakah ia termasuk dalam kepentingan jangka panjang syarikat?*

Applicable Group Policy
Group Policy:
Reporting of improper Conduct and Concerns

Kandungan

Pematuhan dan kelakuan baik perniagaan	8
Pekerjaan adil, tempat kerja bebas gangguan	9
Kesihatan, keselamatan dan persekitaran	10
Perlindungan data, keselamatan dan kerahsiaan	11
Pengurusan rekod	12
Konflik kepentingan	13
Anti rasuah, anti korupsi	14
Antikompetitif dan persaingan adil	15
Menguruskan sekuriti	16
Komunikasi dengan pihak luar	17
Perlindungan aset, pencegahan penipuan dan jenayah	18
Anti pengubahanwang haram, kewangan pengganas dan sekatan ekonomi	19

Pematuhan dan kelakuan baik perniagaan

Dalam semua aspek perniagaan, kita pastikan kita mengetahui keperluan perundangan dan mematuhinya. Zurich mempunyai komitmen tanpa ragu terhadap kelakuan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab.

Kita mesti mematuhi undang-undang dan peraturan negara-negara di mana Zurich beroperasi seperti yang digunapakai di tempat kerja dan dalam polisi dalaman kita. Selain itu,

- Kita tidak hanya bertanya jika sesuatu itu dibenarkan dari segi undang-undang, tetapi juga jika ia adalah perkara yang betul untuk dibuat
- Kita berkelakuan jujur, adil dan bermaruah serta berintegriti di tempat kerja dan apabila kita bertindak bagi pihak Zurich
- Kita hormati perlindungan hak asasi manusia antarabangsa dalam pengaruh kita, dan akan bekerja keras untuk memastikankita tidak bersubahat dalam penyalahgunaan hak asasi manusia
- Kita menyatakannya kerana pihak lain mungkin melakukan sesuatu yang tidak betul

Zurich adalah lebih komited untuk memberikan pendedahan secara keseluruhan, segera dan telus apabila berkomuninasi dengan pengatur, penyelia dan kerajaan.

Ini bermakna kita bersikap terbuka, jujur dan memberi kerjasama dalam apa-apa siasatan kerajaan atau pemeriksaan yang melibatkan Zurich.

Apabila siasatan kerajaan atau pemeriksaan peraturan sedang dijalankan, kita memberi penjagaan khas untuk menghalang pemusnahan atau pengubahan apa-apa maklumat dalam bentuk kertas atau elektronik yang berkaitan dengan siasatan atau pemeriksaan.

Apa maksudnya kepada saya?

Melebihi daripada keperluan perundangan, kita mengekalkan standard etika dan profesional tertinggi. Rangka kerja keputusan beretika kita termasuk samada keputusan itu sah, dan bertanyakan soalan seperti siapa lagi yang mungkin terjejas dan samada keputusan itu selaras dengan komitmen kita untuk jujur, berintegriti dan telus.

Zurich bersifat terbuka dan memberi kerjasama kepada siasatan kerajaan dan pemeriksaan.

Kita mematuhi semua undang-undang terpakai, peraturan dan polisi dalaman.

Pekerjaan adil, tempat kerja yang bebas gangguan

Zurich mengekalkan persekitaran yang menghormati semua pekerja dan bebas dari segala bentuk diskriminasi dan gangguan. Kita menghargai kepelbagaian tenaga kerja kerana ia menyumbang kepada menjadikan Zurich sebagai majikan pilihan.

Pekerja kita terdiri daripada pelbagai lelaki dan wanita yang sama-sama berusaha menjadikan Zurich penginsurans terbaik dunia. Kita menghargai semangat dan integriti peribadi mereka dan mengiktiraf ia sebagai asas kekuatan kita. Oleh itu, para pekerja diminta melayan satu sama lain dengan hormat dan bermaruah.

Zurich tidak bertolak ansur dengan diskriminasi atau gangguan di tempat kerja termasuk dasar usia, ketidakupayaan, etnik, negara asal, jantina, bangsa, warna kulit, agama, status perkahwinan, orientasi seksual atau perbezaan lain. Prinsip ini meliputi semua keputusan pemilihan para pekerja termasuk merekrut, latihan, penilaian, kenaikan pangkat dan ganjaran.

Suarakan jika anda menjadi mangsa atau saksi kepada diskriminasi, gangguan atau pembulian.

Zurich mengiktiraf hak para pekerjanya untuk kebebasan berpersatuan dan perundingan secara kolektif. Semua pekerja berhak untuk membentuk dan menyertai kumpulan untuk kenaikan pangkat dan melindungi kepentingan pekerjaan mereka.

Zurich tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk buruh paksaan atau buruh kanak-kanak.

Prinsip-prinsip di atas adalah mengikut standard piawaian pekerjaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh Organisasi Buruh Antarabangsa.

Apa maksudnya kepada saya?

Jika saya meminta Sumber Manusia bercakap dengan ketua saya kerana dia menyatakan jawatan IT adalah "kerja lelaki", adakah kerja saya dalam bahaya?

Tidak. Bantahan kepada laporan yang dibuat dengan niat baik tidak akan dilayan di Zurich.

Rakan sekerja membuat jenaka tentang etnik secara kerap dan saya berasa tidak selesa mendengarnya. Apa yang boleh saya lakukan?

Minta mereka berhenti melakukannya kerana Zurich menghalang kelakuan tersebut.

Jika ia tidak berhasil atau anda tidak selesa menegur mereka secara langsung, sila bercakap dengan pengurus anda atau Jabatan Sumber Manusia, atau hubungi Talian Etika Zurich.

Kesihatan, keselamatan dan persekitaran

Zurich berusaha menyediakan para pekerjanya dengan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

Kita mematuhi semua polisi dan keperluan kesihatan, keselamatan dan persekitaran termasuk:

- Memastikan kawasan kerja bersih, sihat dan bebas dari bahaya yang boleh menyebabkan kemalangan, kecemasan, isu kesihatan atau risiko keselamatan
- Mengelak sebarang kelakuan atau tindakan yang boleh meletakkan anda atau rakan sekerja dalam risiko
- Menyedari dan melaporkan dengan segera apa-apa masalah keselamatan atau kesihatan, risiko atau bahaya
- Mengintegrasikan pertimbangan persekitaran sepanjang perniagaan berlangsung
- Mengurangkan impak persekitaran secara langsung atau tidak langsung melalui peningkatan berterusan dalam prestasi persekitaran dan masyarakat.

Perlindungan persekitaran adalah penting untuk mewujudkan nilai berkekalan kepada Zurich dan masyarakat.

Applicable Group Policies

Group Policy:
Environmental Policy

Zurich Risk Policy:
MR 5d – Business Continuity Management Risk Policy Manual

Apa maksudnya kepada saya?

Apa boleh saya lakukan untuk melaksanakan kerja saya dalam keadaan persekitaran yang selamat dan bertanggungjawab?

"Pastikan anda arif dengan program keselamatan dan pelan pengosongan untuk aras anda."

"Beri perhatian kepada impak negatif persekitaran dan bantu untuk meminimakannya, sebagai contoh, mencetak menggunakan kedua-dua belah muka surat kertas, mematikan lampu dan mesin pencetak apabila meninggalkan pejabat, mengasingkan sampah atau mengurangkan perjalanan udara dan kereta api."

Perlindungan data, keselamatan dan kerahsian

Perlindungan data dan perlindungan maklumat sulit adalah keutamaan Zurich. Kita mengambil langkah yang sewajarnya terhadap pemprosesan tidak sah atau menyalahi undang-undang kepada data yang dikekalkan Zurich dan terhadap kehilangan tanpa niat, akses, kemusnahan atau kerosakan.

Sebagai pekerja Zurich anda perlu:

- Melindungi maklumat sulit Zurich, para pekerja, para pelanggan, rakan perniagaan dan pihak berkepentingan yang lain dari asal hingga ke pelupusan yang selamat
- Mengumpul, memproses dan berkongsi data peribadi hanya untuk tujuan tertentu, sah dan diperlukan dan hanya setakat yang perlu sahaja
- Akses, penggunaan dan pendedahan maklumat sulit hanya atas dasar "perlu tahu" dan apabila diminta oleh pihak berkuasa untuk tujuan perniagaan sah
- Hormati hak privasi dan pilihan orang yang datanya diproses
- Rujuk pegawai perlindungan data tempatan atau penasihat perundangan sebelum data dipindahkan merentasi sempadan negara (termasuk entiti Zurich yang lain)
- Pastikan data peribadi elektronik atau maklumat sulit dilindungi semasa penghantaran dan penyimpanan melalui perlindungan teknikal yang mencukupi
- Laporkan kebocoran keselamatan data melalui saluran pengurusan yang sesuai secepat mungkin

Data peribadi adalah apa-apa maklumat yang berkaitan dengan individu yang boleh dikenalpasti (atau entiti digunapakai secara tempatan) Data peribadi elektronik atau bukan elektronik, boleh jadi pekerja, pelanggan atau data pihak ketiga dan termasuk maklumat seperti nama, alamat, tarikh lahir, nombor kad bayaran atau maklumat yang sama. Setiap bidang kuasa perundangan mempunyai definisi tersendiri tentang data peribadi mengikut undang-undang tempatan.

Maklumat sulit hanya digunakan oleh Zurich dan terhad kepada mereka dengan "urusan untuk tahu", contohnya maklumat polisi pelanggan atau pelan perniagaan.

Applicable Group Policies

Group Policy:
Protection and Privacy of Employee Data

Zurich Risk Policy:
MR 5g – Information Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 6e – Media Relations Risk Policy Manual

Apa maksudnya kepada saya?

Saya diminta menyalurkan senarai pelanggan-pelanggan kami kepada jabatan lain? Adakah ini boleh dilakukan?

Mungkin tidak. Anda mesti menjelaskan jika pemindahan data yang diminta itu adalah perlu dan untuk tujuan tertentu, sah dan diperlukan. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada pihak pengurusan dan minta kebenaran.

Komputer riba saya telah dicuri. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda perlu maklumkan Pegawai Risiko tempatan, Sekuriti dan pengurus anda secepat mungkin.

Pengurusan rekod

Perniagaan, laporan kewangan, undang-undang dan pertimbangan cukai memerlukan Zurich menyimpan dan mengekalkan rekod yang lengkap dan tepat.

Oleh itu adalah penting untuk anda:

- Merekod dengan tepat dan lengkap semua transaksi perniagaan
- Mengurus data kewangan dengan tepat, pantas dan dengan teliti serta mengikut prinsip-prinsip perakaunan Zurich
- Menyimpan rekod dan data termasuk fail dan e-mel berbentuk kertas dan elektronik selama yang dikehendaki oleh perundangan, peraturan atau polisi melainkan Zurich menasihatkan bahawa suatu notis pemeliharaan dokumen telah dibuat, bermakna pengalihan semua atau kategori dokumen yang tertentu diberhentikan sementara (sebagai contoh kerana tindakan undang-undang yang belum selesai atau di dalam siasatan oleh pihak kerajaan)
- Laporkan sebarang perintah permusnahan kepada pengurus anda, jabatan Perundangan, jabatan Kepatuhan atau kepada Talian Etika Zurich (atau yang sama di negara anda) jika tempoh penyimpanan dokumen masih belum tamat
- Pastikan data dan rekod tersedia dan boleh diakses orang yang berkuasa dalam jangka masa yang diminta
- Jangan mengubah atau memalsukan maklumat dalam mana-mana rekod atau dokumen
- Jangan mengambil sebarang tindakan yang mendorong penipuan, kekasaran, memanipulasi atau menegelirukan, apabila berinteraksi atau berkomunikasi dengan pelanggan, pembekal, badan-badan kerajaan, pengatur, auditor atau sesiapa dari luar atau dalam Zurich sebagai pengubahan penipuan, pembetulan atau penyalahan tidak boleh dibenarkan oleh mana-mana matlamat perniagaan

Applicable Group Policies

Group Policy:
Records Retention

Zurich Risk Policy:
MR 5g – Information Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 5k – Fraud Risk Policy Manual

Apa maksudnya kepada saya?

Bagaimana untuk saya tahu dokumen mana yang dianggap sebagai "rekod"?

Semak dengan orang hubungan tempatan dalam unit perniagaan untuk memahami apa yang ditakrifkan sebagai rekod dalam perundangan kerana bukan semua dokumen adalah rekod.

Bagaimana untuk saya tahu berapa lama untuk menyimpan rekod?

Inventori data tempatan atau rekod katalog dokumen sesuai dengan tempoh pengekalan rekod. Jika anda tidak tahu bagaimana mencari inventori data tempatan anda, periksa dengan pemilik rekod sebelum mengambil sebarang tindakan.

Konflik kepentingan

Reputasi Zurich bergantung kepada tindakan dan integriti para pekerjanya.

Ia adalah penting untuk setiap keputusan yang diambil oleh pekerja Zurich adalah berdasarkan kepentingan syarikat danpemegang saham dan bukan berdasarkan kepentingan peribadi.

Setiap hari kita membuat keputusan perniagaan dan adakalanya berlaku konflik kepentingan antara syarikat dan peribadi apabila bekerja dengan pelanggan, broker, ejen atau lain-lain.

Adalah penting untuk anda sentiasa mengekalkan objektiviti dan memastikan pertimbangan anda tidak terjejas dengan kepentingan peribadi atau keluarga.

Elakkan dari sebarang aktiviti jika timbul konflik kepentingan.

Dedahkan konflik kepentingan kepada pengurus dan pastikan ianya diurus dengan baik dan/atau dihapuskan sepenuhnya.

Dapatkan kelulusan dari orang atasan sebelum menerima apa-apa mandat, seperti dari pengarah, pegawai atau pelabur berkepentingan/pemilik syarikat atau organisasi selain Zurich.

Rujuk dengan jabatan Pematuhan apabila dalam keraguan.

Applicable Group Policies

Group Policy:
Conflicts of Interest
and External Engagements

Group Policy:
Employment of Relatives

Apa maksudnya kepada saya?

Kakak ipar saya sedang dipertimbangkan untuk memegang jawatan sebagai ketua pasukan saya. Perlukah kami mendedahkan hubungan kekeluargaan kami?

Ya. Situasi ini mungkin mewujudkan konflik kepentingan dalam pasukan anda. Zurich melarang pengambilan pekerja dari kalangan saudara mara di mana seorang saudara itu berada di bawah penyeliaan seorang lagi saudara.

Peter telah menerima perlantikan sebagai ahli lembaga pengarah kepada syarikat bukan milik Zurich yang membekalkan perkhidmatan kepada Zurich tetapi dia tidak mendedahkan kepada Zurich bahawa dia adalah merupakan ahli lembaga pengarah syarikat tersebut.

Hal ini kelihatan seperti konflik kepentingan dan boleh menjejaskan reputasi Zurich. Peter perlu memaklumkan kepada orang atasannya, yang akan bekerjasama dengannya untuk mengenalpasti tindakan yang bersesuaian.

Anti rasuah, anti korupsi

Zurich komited terhadap perniagaan yang adil dan bertanggungjawab dan melarang segala bentuk rasuah atau korupsi dan apa-apa perlakuan perniagaan yang boleh mewujudkan pengaruh tidak baik.

Para pekerja perlu mengelak perlakuan yang boleh menonjolkan pengaruh tidak baik dan perlu:

- Memastikan semua hadiah , hiburan dan lain-lain faedah samada diberi atau diterima, yang berkait dengan aktiviti perniagaan sesuai dengan keadaan dan sederhana dalam bentuk nilai, kekerapan dan kuantiti
- Tidak sesekali memberi atau menerima hadiah, hiburan atau lain-lain faedah dalam bentuk
  - Bayaran tunai atau setara
  - Bertujuan untuk mewujudkan keadaan menerima atau menyimpan perniagaan yang tidak sesuai atau faedah peribadi atau tindakan kerajaan yang sesuai
  - Boleh menyebabkan konflik kepentingan kepada mana-mana pihak
- Memastikan sumbangan politik, derma atau setara mematuhi undang-undang dan memenuhi syarat polisi Zurich, dan tidak digunakan untuk tujuan haram atau tidak baik
- Memastikan semua bayaran kepada pihak ketiga bersesuaian, disokong oleh rasional perniagaan dan direkod dengan betul
- Memastikan siasatan bersesuaian kepada pihak ketiga diselesaikan sebelum kerjasama dan sepanjang tempoh masa hubungan perniagaan berkenaan

Applicable Group Policy

Group Policy:
Anti-Bribery/Anti-Corruption

Apa maksudnya kepada saya?

Tidak sesekali menggunakan hadiah dan hiburan atau sumbangan dalam apa jua bentuk untuk mewujudkan pengaruh tidak baik ke atas rakan perniagaan.



Seorang broker menawarkan saya tiket untuk acara sukan tempatan. Bolehkah saya menerimanya?

Mungkin. Sekiranya tiket itu memenuhi standard penerimaan hadiah Zurich dan anda telah mendapat kelulusan yang diperlukan, anda boleh menerimanya.

Antikompetitif dan persaingan adil

Di Zurich, kita percaya bahawa para pelanggan, pekerja, pemegang saham dan komuniti mendapat yang terbaik melalui pasaran yang kompetitif dan adil untuk insurans. Menjadi tanggungjawab kita semua untuk melindungi dan mengekalkan persaingan yang adil dan dengan cara itu kita melindungi syarikat kita serta diri sendiri.

Zurich melarang sebarang penglibatan dalam amalan anti kompetitif atau kelakuan yang tidak sah atau tidak selaras dengan kepentingan terbaik Zurich.

Semua pekerja Zurich perlu menghormati pesaing Zurich dan mengelak dari melakukan amalan atau kelakuan dengan tujuan memberi kesan atau memusnahkan atau mengurangkan persaingan bebas dan adil.

La dihalang untuk:

- Membuat perjanjian horizontal, persefahaman atau aktiviti berkoordinasi dengan bakal atau pesaing sebenar; secara jelas, tidak melibatkan pesaing untuk:
  - Menetapkan harga, premium atau elemen tertentu yang dinyatakan
  - Mengehadkan atau menghalang jenis atau kuantiti produk atau perkhidmatan yang dibekalkan
  - Menyediakan pasaran secara geografik atau menurut rakan perniagaan, segmen pelanggan atau produk
- Membuat perjanjian vertikal atau persefahaman dengan entiti yang beroperasi pada peringkat berbeza dalam rantaian pengagihan, seperti ejen, pengedar atau pembekal yang bertujuan atau memberi kesan atau memusnahkan atau mengurangkan persaingan bebas dan adil dan melanggar undang-undang terpakai.
- Penyalahgunaan posisi dominan dalam pasaran tertentu
- Menggunakan maklumat persaingan sulit Zurich atau pesaing tanpa kebenaran atau menyalahgunakan harta intelek mereka mereka

Applicable Group Policy

Group Policy:
Antitrust and Competition

Apa maksudnya kepada saya?

Saya seorang ahli Persatuan Peniaga Insurans. Beberapa orang ahli telah lama berada dalam industri insurans dan di dalam persidangan kami sering berbincang tentang trend industri, bertukar-tukar gosip dan sebagainya. Adakah ini satu masalah?

"Tidak menjadi masalah asalkan anda sedar akan peraturan anti kompetitif dan tidak membincangkan harga, premium, kontrak, kawasan atau lain-lain maklumat persaingan. Jika isu-isu sebegini dibincangkan, anda perlu minta kumpulan untuk berhenti berbincang dan keluar dari perbincangan tersebut serta-merta.

Jauhi situasi di mana anda boleh berbincang tentang harga, berpakat dan sebagainya dengan cara sentiasa membayangkan apa yang akan difikirkan oleh pihak ketiga yang mendengar – atau laporkan. Jangan menyelaras tindakan anda dengan pesaing tetapi buat keputusan bebas.

Jika ragu-ragu, minta nasihat dari jabatan Perundangan atau jabatan Pematuhan sebelum mengambil sebarang tindakan."

Menguruskan sekuriti

Zurich percaya kepada integriti dan ketelusan di dalam pasaran kewangan dan oleh itu komited untuk memastikan maklumat yang dipelajari semasa kerja tidak digunakan untuk tujuan peribadi.

Zurich mahu setiap pekerja melindungi maklumat dalaman yang mereka miliki dan tidak menggunakan atau menyalahgunakan maklumat samada untuk pelaburan sendiri atau orang lain.

Sentiasa ingat yang berikut:

- Jangan berurusan dalam sekuriti milik Zurich atau syarikat lain (samada secara terus atau melalui orang lain) apabila anda memiliki maklumat dalaman syarikat tersebut.
- Jangan berikan tip atau beri cadangan tentang sebarang sekuriti apabila anda memiliki maklumat dalaman.
- Perlu diingat bahawa sebelum mengurus sekuriti Zurich, anda perlu menjalankan beberapa penjagaan dan minta kelulusan yang perlu.
- Mengurus termasuk apa-apa jualan, pembelian, atau memegang, atau perjanjian untuk menjual atau membeli apa-apa sekuriti atau kepentingan dalam sekuriti tersebut, termasuk yang dilakukan di luar pasaran.
- Sekuriti termasuk apa-apa instrumen yang disenaraikan secara umum/kewangan yang diniagakan seperti saham, ADR, bon, debentur atau lain-lain sekuriti atau instrumen kewangan yang harganya bergantung kepada mereka, termasuk mana-mana pilihan danderivatif.
- Maklumat dalaman bermaksud apa-apa maklumat bukan umum yang penting yang melibatkan harga seperti memberi kesan kepada harga sekuriti.
- Adalah tidak wajar untuk memberi maklumat palsu atau mengelirukan pasaran (contohnya, "manipulasi pasaran").

Applicable Group Policies

Group Policy:
Dealing in Securities

Zurich Risk Policy:
MR 5g – Information Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 5l – Investment Operations Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 6a – M&A Risk Policy Manual

Apa maksudnya kepada saya?

Bagaimana untuk saya tahu ini adalah "maklumat dalaman"?

Maklumat dalaman adalah fakta atau maklumat atau pengetahuan yang belum didedahkan secara umum dan jika didedahkan akan memberi kesan besar kepada harga sekuriti. Sophia tahu Zurich sedang berunding untuk membeli Syarikat X. Dia menceritakan kepada rakannya yang bukan pekerja Zurich dan menggalakkannya membeli saham Syarikat X. Dia mungkin bersalah kerana urus niaga dalaman (memberi tip), yang melanggar peraturan Zurich untuk tidak mendedahkan maklumat kepada orang yang tidak berkenaan dan menjejaskan reputasi Zurich.

Rakan saya seorang peniaga. Bolehkah saya berikan dia bantuan permulaan dan berikan dia angka-angka Zurich sebelum ia diumumkan?

Tidak. Anda tidak dibenarkan dalam apa jua keadaan untuk mendedahkan keputusan kewangan Zurich sebelum pengumuman kepada umum.

Komunikasi dengan pihak luar

Reputasi dan jenama adalah aset kritikal Zurich.

Komunikasi secara telus dan tepat dengan pemegang berkepentingan membantu kita mengurus reputasi dan jenama dengan jayanya. Anda perlu mengelak dari memberi komen tentang apa-apa spekulasi atau khabar angin tentang Zurich atau mana-mana divisyen dan tidak mengkritik pesaing Zurich.

Sentiasa meminta secara terus maklumat dari luar Zurich tentang Zurich untuk tujuan yang betul bagi mengurus hal mengikut garis panduan tempatan.

Peraturan khas digunapakai untuk menjawab soalan dari sesetengah pihak luar.

Sebagai pekerja Zurich, anda harus:

- Merujuk semua permintaan maklumat dari media kepada pejabat Perhubungan Media tempatan, jurucakap tempatan atau jabatan Kumpulan Perhubungan Media
- Ajukan segala soalan dari pelabur, penganalisa atau pemegang saham kepada jabatan Pelabur Kumpulan & Taksiran Agensi
- Ajukan segala soalan dari pengatur kepada jabatan Perundangan dan Pematuhan tempatan atau jabatan Pemudahcara Luar Kumpulan seperti yang sewajarnya

Perlu diingat bahawa mempamerkan maklumat di laman media sosial seperti Facebook dan LinkedIn adalah dianggap seperti berkomunikasi dengan pihak luar, oleh itu peraturan yang sama digunapakai. Sebagai pekerja, anda boleh menggunakan platfom laman media sosial, walau bagaimanapun, ingatlah ketika anda bersuara dan berkongsi pandangan sendiri – samada peribadi atau berkaitan kerja – perlu dijelaskan bahawa ia adalah pandangan anda dan mungkin berbeza dengan pandangan pihak Zurich.

Berhati-hati dalam memastikan aktiviti anda di media sosial tidak dianggap sebagai kenyataan rasmi oleh Zurich.

Applicable Group Policies and Guidelines

Zurich Risk Policy: MR 5g – Information Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy: MR 6e – Media Relations Risk Policy Manual

Social Media Guidelines

Apa maksudnya kepada saya?

"Jangan bercakap bagi pihak Zurich melainkan anda dilantik sebagai jurucakap – permintaan terus untuk maklumat kepada jabatan yang berkenaan

Elakkan dari membincangkan mengenai pesaing Zurich

Di platfom media sosial, pertimbangkan akan pekerjaan anda dengan Zurich diketahui umum dan pastikan apa-apa pandangan yang diutarakan adalah pandangan anda sendiri dan bukan dari Zurich

Rujuk Garis Panduan Media Sosial untuk memahami cara melindungi reputasi Zurich di atas talian

Hubungi social.media@zurich.com jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai penggunaan media sosial anda dalam kapasiti peribadi atau profesional"

Perlindungan aset, pencegahan penipuan dan jenayah

Perlindungan aset dan pencegahan penipuan dan jenayah adalah kunci kepada pembinaan dan pengekalan nilai dan amanah pemegang berkepentingan Zurich.

Penyalahgunaan harta milik Zurich atau hak milik yang diamanahkan kepada kita akan memberi impak negatif kepada reputasi dan kepentingan kita. Oleh itu anda perlu:

- Ambil langkah berjaga-jaga untuk menjaga dan melindungi harta milik Zurich
- Menggunakan hak milik dan sumber Zurich hanya untuk tujuan perniagaan dan bukan untuk manfaat peribadi atau keuntungan profesional atau untuk tujuan tidak baik dan menyalahi undang-undang
- Elakkan penggunaan tanpa kebenaran atau tidak wajar atau pendedahan nama Zurich, logo, tanda perkhidmatan, tanda perniagaan, rahsia perniagaan, dokumen rahsia, paten atau hak cipta Zurich
- Tidak menyalahguna jawatan anda untuk tujuan penipuan atau aktiviti haram
- Tidak menyembunyikan, mengalih atau memperoleh wang, aset, data, maklumat atau perkhidmatan secara salah atau haram
- Tidak memberi gambaran yang salah atau memalsukan maklumat

Applicable Group Policies

Zurich Risk Policy:
MR 6k – Brand Protection Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 5g – Information Risk Policy Manual

Zurich Risk Policy:
MR 5k – Fraud Risk Policy Manual

Apa maksudnya kepada saya?

Saya membuat salinan program perisian Zurich untuk kegunaan peribadi saya di rumah dan menjual salinan kepada rakan-rakan. Adakah ini dibenarkan?

Tidak. Menggunakan harta milik syarikat untuk tujuan kepentingan perniagaan peribadi adalah tidak boleh diterima.

Anti pengubahanwang haram, kewangan pengganas dan sekatan ekonomi

Sebagai syarikat yang mengutamakan pelanggan, Zurich ingin mengenali pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam polisi. Kita bekerja keras untuk memenuhi permintaan mereka tetapi kita tidak melibatkan diri didalam urus niaga yang menyalahi undang-undangatau melanggar nilai-nilai kita.

Zurich komited dalam menentang pengubahanwang haram dan kewangan pengganas dan meminta semua peraturan sekatan ekonomi dan perniagaan dipatuhi. Ini bermakna, sebagai pekerja Zurich anda perlu:

- Mengenalpasti identiti pelanggan dan memahami sumber yang dibawa masuk ke dalam Zurich
- Tidak terlibat dengan urusan dengan sesiapa yang cuba menggunakan produk atau perkhidmatan Zurich untuk tujuan yang salah seperti penyeludupan wang yang diperoleh dari sumber tidak sah atau membantu kewangan pengganas
- Sedar akan undang-undang dan peraturan yang menghalang urusan dengan sesetengah negara, entiti atau individu
- Ketahui peraturan yang digunapakai berdasarkan kewarganegaraan anda (contohnya A.S. Peraturan OFAC untuk rakyat A.S. di seluruh dunia) dan minta khidmat nasihat daripada pegawai Pematuhan atau Perundangan tentang peraturan ini
- Hubungi pegawai Pematuhan anda sekiranya ada keraguan atau rasa syak berkenaan rakan niaga atau transaksi

Applicable Group Policies

Group Policy:
Anti-money Laundering and Counter-terrorist Financing

Group Policy:
Trade & Economic Sanctions

Apa maksudnya kepada saya?

Regina dari bahagian khidmat pelanggan menerima permintaan dari seorang pelanggan untuk menamatkan kontrak insurans hayat hanya selepas tiga bulan menerima wang premium. Apabila pelanggan meminta bayaran dikeluarkan kepada pihak ketiga, dia berasa ragu-ragu samada untuk meneruskan transaksi. Apa yang perlu Regina lakukan?

Dia perlu merujuk pengurus dan menghubungi pegawai Pematuhan.

Lisa, seorang pengunderait sedang bercakap dengan seorang broker: "Begini, $300,000 sangat menarik dan kita hargai usaha anda. Tapi anda perlu jelaskan kepada pelanggan bahawa tanpa maklumat sah 'pelanggan tersebut', kita tak boleh terima transaksi ini."

Tindakan Lisa betul dengan menolak usul broker tersebut, walaupun jika ini bermakna broker tersebut akan menjalankan perniagaan dengan orang lain.

Kod Tatalaku diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Cina (dimudahkan), Cina (Tradisional), Perancis, Jerman, Indonesia, Itali, Jepun, Melayu, Portugis, Rusia, Sepanyol dan Turki.

Sekiranya berlaku salah terjemahan dalam bahasa tersebut, Versi terkini bahasa Inggeris akan digunapakai. Versi terkini boleh didapati di Laman sesawang kumpulan: www.zurich.com.

FSC
www.fsc.org
MIX
Paper from responsible sources
FSC® C016003

ClimatePartner°
climate neutral
Print | ID: 53232-1503-1014

Dokumen ini dicetak di atas kertas PlanoJet. PlanoJet adalah kertas tidak bersalut, kertas bebas kayu dan diiktiraf secara bebas mengikut peraturan Majlis Pengawasan Hutan (Forest Stewardship Council, FSC). Kertas ini dihasilkan di kilang yang diperakui dengan sijil ISO14001 dan piawaian alam sekitar Ecolabel EU. Kilang tersebut menggunakan kayu pulpa diluntur dengan proses bebas klorin asas (ECF).

Zurich Insurance Group
Group Compliance
Mythenquai 2
8002 Zurich
Switzerland

52355-1505 Melayu
©Zurich

173004602 (04/18) TCL

ZURICH®